

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]
TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan telah melakukan kajian terhadap penggunaan *e-scooter* sebagai pengangkutan yang digunakan di jalan awam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan masih dalam proses untuk memperhalusi halatuju dasar serta kajian dalam aspek implikasi keselamatan jalan raya terhadap penggunaan kenderaan elektrik di Malaysia, terutamanya yang melibatkan kenderaan elektrik di bawah kategori *micro – mobility* yang sering dikenali dengan pelbagai istilah oleh pihak industry, antaranya adalah *e-scooter*, *moped*, *e-bike* dan sebagainya.
2. Secara prinsipnya, pihak Kementerian menyokong terhadap penggunaan kenderaan motor yang menggunakan kuasa elektrik. Namun begitu, spesifikasi pembinaan dan kawalan penggunaannya semasa di atas jalan raya hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah yang berkuatkuasa supaya ianya tidak menimbulkan sebarang kesan negatif kepada pengguna jalan raya yang lain atau alam sekitar.

NO. SOALAN: 14

3. Dalam aspek pengawalseliaan pembinaan kenderaan motor pula, pihak Kementerian telah menetapkan bahawa setiap kenderaan motor termasuk kenderaan elektrik hendaklah memenuhi prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) bagi memastikan tahap keselamatan dan spesifikasinya menepati peraturan serta standard mandatori yang berkenaan. Prosedur tersebut adalah dikawalselia oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Namun begitu, prosedur VTA ini tidak terpakai kepada mana – mana basikal termasuk basikal elektrik.

4. Oleh yang demikian, hanya kenderaan motor yang telah mematuhi setiap ketetapan di bawah prosedur VTA tersebut sahaja akan dibenarkan untuk dilesenkan dan seterusnya digunakan di atas jalan raya.

Sekian, terima kasih.